

MAKLUMAT LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

BOARD AND INVESTMENT PANEL INFORMATION

AHLI LEMBAGA/MEMBERS OF THE BOARD

PENGERUSI/CHAIRMAN

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman

WAKIL KERAJAAN/GOVERNMENT REPRESENTATIVES

- 1) Y.Bhg. Dato' Mat Noor Nawawi
- 2) Y.Bhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
- 3) Y.Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman
- 4) Y.B. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani
- 5) Y.B. Tan Sri Hj. Sukarti Wakiman

WAKIL MAJIKAN/EMPLOYERS' REPRESENTATIVES

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Haron
- 2) Y.Bhg. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
- 3) Y.Bhg. Datuk Mohd Hasnol Ayub
- 4) Y.Bhg. Datuk Abang Hj Abdul Karim Bin Tun Abang Hj Openg

WAKIL PEKERJA/EMPLOYEES' REPRESENTATIVES

- 1) Encik Mohd Khalid Atan
- 2) Puan Lok Yim Pheng
- 3) Puan Catherine Jikunan
- 4) Puan Hadiah Leen

WAKIL PROFESIONAL/PROFESSIONAL REPRESENTATIVES

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye
- 2) Y.Bhg. Datuk Thomas George
- 3) Tuan Hj. Md Jafar Abdul Carrim

EX-OFFICIO/EX-OFFICIO

- 1) Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan

AHLI PANEL PELABURAN/ MEMBERS OF THE INVESTMENT PANEL

PENGERUSI/CHAIRMAN

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman

WAKIL KERAJAAN/GOVERNMENT REPRESENTATIVE

- 1) Puan Siti Zauyah Mohd Desa

WAKIL BANK NEGARA MALAYSIA/ BANK NEGARA MALAYSIA REPRESENTATIVE

- 1) Y.Bhg. Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus

WAKIL PROFESIONAL/PROFESSIONAL REPRESENTATIVES

- 1) Y.Bhg. Dato' Sri Mohamed Nazir bin Abdul Razak
- 2) Y.Bhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim
- 3) Encik David Lau Nai Pek

EX-OFFICIO/EX-OFFICIO

- 1) Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan

AHLI LEMBAGA/ AHLI PANEL PELABURAN/ AHLI SILIH GANTI YANG BERSARA /TAMAT PERKHIDMATAN BOARD MEMBERS/ INVESTMENT PANEL MEMBERS/ ALTERNATE MEMBERS WHO HAD RETIRED /COMPLETED SERVICE

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Mustafa Mansur
(Tamat perkhidmatan pada 1 Jun 2013/Service completed on 1 June 2013)
Ahli Lembaga Wakil Majikan/Board Member representing the Employers
- 2) Y.Bhg. Tan Sri Abdul Hamid Sepawi
(Tamat perkhidmatan pada 1 Jun 2013/Service completed on 1 June 2013)
Ahli Lembaga Wakil Majikan/Board Member representing the Employers
- 3) Encik Azlin Awang Chee
(Tamat perkhidmatan pada 1 Jun 2013/Service completed on 1 June 2013)
Ahli Lembaga Wakil Pekerja/Board Member representing the Employees
- 4) Encik Heng Hock Cheng @ Heng Heyok Chiang
(Tamat perkhidmatan pada 1 Jun 2013/Service completed on 1 June 2013)
Ahli Lembaga Wakil Profesional/Board Member representing the Professionals
- 5) Encik Halim Haji Din
(Tamat perkhidmatan pada 1 Jun 2013/Service completed on 1 June 2013)
Ahli Lembaga Wakil Profesional/Board Member representing the Professionals

AHLI LEMBAGA DAN AHLI PANEL PELABURAN YANG BARU DILANTIK/NEWLY APPOINTED BOARD AND INVESTMENT PANEL MEMBERS

- 1) Y.Bhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
(MOHAMAD-ZABIDI@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 1 Jun 2013 menggantikan Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah tamat perkhidmatan pada 1 Julai 2012/Newly appointed on 1 June 2013 replacing Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah whose service completed on 1 July 2012)
- 2) Y.Bhg. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
(YONG-POH-KON@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 1 Jun 2013 menggantikan Tan Sri Mustafa Mansur tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2013/Newly appointed on 1 June 2013 replacing Tan Sri Mustafa Mansur whose service completed on 31 May 2013)
- 3) Y.Bhg. Datuk Abang Hj Abdul Karim Bin Tun Abang Hj Openg
(ABDUL-KARIM@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 13 Julai 2013 menggantikan Tan Sri Abdul Hamid Sepawi meletak jawatan pada 12 Julai 2013/Newly appointed on 13 July 2013 replacing Tan Sri Abdul Hamid Sepawi who resigned on 12 July 2013)
- 4) Puan Catherine Jikunan
(CATHERINE-JIKUNAN@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 1 Jun 2013 menggantikan Encik Azlin Awang Chee tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2013/Newly appointed on 1 June 2013 replacing Encik Azlin Awang Chee whose service completed on 31 May 2013)
- 5) Datuk Thomas George
(THOMAS-GEORGE@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 1 Jun 2013 menggantikan Encik Heng Hock Cheng @ Heng Heyok Chiang tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2013/Newly appointed on 1 June 2013 replacing Encik Heng Hock Cheng @ Heng Heyok Chiang whose service completed on 31 May 2013)
- 6) Tuan Hj. Md Jafar Abdul Carrim
(MD-JAFAR@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 1 Jun 2013 menggantikan Encik Halim Haji Din tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2013/Newly appointed on 1 June 2013 replacing Encik Halim Haji Din whose service completed on 31 May 2013)
- 7) Puan Siti Zauyah Mohd Desa
(SITI-ZAUYAH@epf.gov.my)
(Pelantikan baru pada 30 April 2013 menggantikan Dato' Mat Noor Nawi tamat perkhidmatan pada 29 April 2013/Newly appointed on 30 April 2013 replacing Dato' Mat Noor Nawi whose service completed on 29 April 2013)

AHLI LEMBAGA


MEMBERS OF THE BOARD

- 1 TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
- 2 DATO' MAT NOOR NAWI
- 3 TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
- 4 DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
- 5 TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI
- 6 TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN



- 7 TAN SRI AZMAN SHAH BIN HARON
- 8 TAN SRI DATUK YONG POH KON
- 9 DATUK MOHD HASNOL BIN AYUB
- 10 DATUK ABANG HAJI ABDUL KARIM BIN TUN ABANG HAJI OPENG
- 11 ENCIK MOHD KHALID BIN ATAN
- 12 PUAN LOK YIM PHENG

- 13 PUAN CATHERINE JIKUNAN
- 14 PUAN HADIAH BINTI LEEN
- 15 TAN SRI DATUK SERI LEE LAM THYE
- 16 DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE
- 17 TUAN HAJI MD JAFAR ABDUL CARRIM
- 18 DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN



AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

Pengerusi Lembaga/*Chairman of the Board*

PMN, PSM, SSAP, SPMS, SJMK, SIMP, SPMP, SPDK, DPMS, DHMS, PGDK, DPMJ, JSM, PMP, DGSM, AMN, SMW

{sam@epf.gov.my}

Tan Sri Samsudin bin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga selama 7 tahun bermula 1 Februari 2007. Tempoh lantikan beliau akan berakhir pada 31 Januari 2015.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Pada masa ini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi BIMB Holdings Bhd., Pengerusi Kwasa Land Sdn. Bhd., Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pengarah di Sime Darby Bhd. Beliau juga merupakan Pro Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Canselor Kolej Universiti Bestari, Pengerusi Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation. Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Awam daripada Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

Tan Sri Samsudin bin Osman has been Chairman of the Board for 7 years, beginning 1 February 2007. His current term ends on 31 January 2015.

Prior to this, he served as President of Putrajaya Corporation, Chief Secretary to the Government, Director General of the Public Service Department, Secretary General of the Ministry of Home Affairs, Secretary General of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, Federal Secretary of Sabah and Deputy Secretary General of the Ministry of Transport.

He is currently Chairman of BIMB Holdings Bhd., Kwasa Land Sdn. Bhd., the Board of Directors of Universiti Utara Malaysia (UUM) and a Director of Sime Darby Bhd. He is also Pro Chancellor of Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Chancellor of University College Bestari, Chairman of the National Unity Consultative Council (NUCC) and Chairman of the Board of Trustees of the Mahathir Science Award Foundation. He holds a Master of Public Administration from Pennsylvania State University, USA.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Dato' Mat Noor Nawi telah dilantik sebagai Ahli Lembaga wakil Kerajaan pada 1 Disember 2012. Beliau memiliki Sarjana Muda Sains (Sumber Ekonomi) daripada Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Sains (Polisi Ekonomi) daripada University of Illinois Urbana-Champaign, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada 1981 sebagai Ahli Ekonomi Pertanian di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Beliau kemudiannya memulakan kerjayanya selama 29 tahun di Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Pengagihan sehingga menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah 1. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan), di Kementerian Kewangan bermula pada Oktober 2011 sebelum menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) di Kementerian yang sama pada November 2012.

Beliau pernah terlibat secara langsung dalam persediaan pelbagai rancangan pembangunan lima tahun negara bermula dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Perkhidmatan beliau kepada negara telah diiktiraf menerusi penerimaan pelbagai anugerah termasuk Kesatria Mangku Negara pada 2008 dan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang pada 2009.

Dato' Mat Noor Nawi was appointed to the Board on 1 December 2012 as a Government representative. He holds a Bachelor of Science in Resource Economics from Universiti Putra Malaysia and a Master of Science in Policy Economics from University of Illinois Urbana-Champaign, USA.

He joined the civil service in 1981 as an Agriculture Economist at the Federal Agricultural Marketing Board (FAMA). He then began an illustrious, 29-year career at the Economic Planning Unit (EPU), beginning as an Assistant Director of the Distribution Section and culminating as the Deputy Director General 1. He was subsequently made Deputy Secretary General (Systems & Controls), Ministry of Finance beginning in October 2011 before becoming Deputy Secretary General (Policy) at the same Ministry in November 2012.

He has been involved in preparing the various Malaysia 5-year development plans beginning with the Mid-Term of the Fourth Malaysia Plan. His services to the nation are recognised through various awards which include Kesatria Mangku Negara in 2008 and Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang in 2009.



DATO' MAT NOOR NAWI

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Kewangan (Timbalan Pengerusi- Wakil Kerajaan/
*Deputy Secretary General (Policy),
Ministry of Finance (Deputy Chairman-Government Representative)*
(MAT-NAWI@epf.gov.my)

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam
(Wakil Kerajaan)/

*Director-General of the Public Service Department
(Government Representative)*

(MOHAMAD-ZABIDI@epf.gov.my)

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah dilantik menjadi ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan pada 1 Jun 2013.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Asia Tenggara dan Sarjana Muda Pentadbiran Awam, kedua-duanya daripada Universiti Malaya.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau merupakan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dari 2010-2013; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dari 2008-2010 dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dari 2007-2008.

Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Akademik/ Kurikulum dalam Lembaga Amanah Razak School of Government (RSOG) dan ahli Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal was appointed to the EPF Board representing the Government on 1 June 2013.

He has a Bachelor (Hons) in South East Asian Studies and a Bachelor of Public Administration, both from University of Malaya.

Before being appointed to his current post as Director-General of the Public Service Department, he was Director-General of Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) from 2010-2013; Perlis State Secretary from 2008-2010 and Deputy Secretary General of the Ministry of Health from 2007-2008.

He is Chairman of the Academic/Curriculum Committee of the Board of Trustees of Razak School of Government (RSOG) and a Board member of the Inland Revenue Board of Malaysia.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman telah dilantik sebagai Ahli Lembaga wakil Kerajaan bermula 1 Jun 2011. Beliau memiliki Sarjana dalam Pentadbiran Awam daripada Universiti Sains Malaysia dan Universiti Syracuse, America Syarikat. Beliau juga pemegang Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dalam Sosiologi/ Sejarah Eropah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau berpengalaman dalam pentadbiran Kerajaan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Memulakan kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam pada tahun 1982 di Kementerian Belia dan Sukan. Kemudian beliau berkhidmat di Kementerian Kerja Raya pada tahun 1984, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang (1986–1992), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (1993–1998) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (1998–2000). Beliau berkhidmat di Negeri Pulau Pinang sebagai Pegawai Daerah Barat Daya (2001–2003), Pegawai Daerah Timur Laut (2004 –2005), Pengarah Pembangunan Negeri (2005–2007) dan Yang Di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (2007). Beliau telah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 20 April 2009 dan mulai 16 Mac 2011 beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia.

Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman was appointed as a Board Member representing the Government effective 1 June 2011. He holds a Master of Public Administration from Universiti Sains Malaysia and University of Syracuse, USA, and a Bachelor of Social Sciences in Sociology/ European History from Universiti Kebangsaan Malaysia.

He has vast experience in Government administration at the district, state and Federal levels, beginning his public service career in 1982 with the Ministry of Youth and Sports. He then served the Ministry of Works in 1984, the Pahang State Development Office (1986–1992), the Implementation and Coordination Unit of the Prime Minister's Department (1993–1998) and the Public Service Department (1998–2000). In Penang, he was the Southwest District Officer (2001–2003), Northeast District Officer (2004–2005), State Development Director (2005–2007) and Municipal Council President (2007). He was appointed Penang State Secretary on 20 April 2009 and, as of 16 March 2011, has been Secretary General of the Ministry of Human Resources.



DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (Wakil Kerajaan)/Secretary General, Ministry of Human Resources

(Government Representative)

PKT, PKC, BCN, DMSM, DSPN, DMPN, DGPN

{ZAINAL-RAHIM@epf.gov.my}

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak [Wakil Kerajaan]/

State Secretary of Sarawak [Government Representative]

PSM, DA, PGBK, PAT, JSM, PPC, PPB

[MOHAMAD-MORSHIDI@epf.gov.my]

Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani dilantik menjadi ahli Lembaga wakil Kerajaan pada 2 Ogos 2009. Beliau berkelulusan Sarjana dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia daripada University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat, dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengurusan Statistik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, dan telah menghadiri kursus Senior Executive Fellows di Harvard University, Amerika Syarikat.

Beliau seorang yang berpengalaman luas dalam bidang sektor awam dan swasta termasuk Petronas. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara, Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Pengarah Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti di Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Pengarah Unit Perancang Negeri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Perancangan dan Pembangunan) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat). Beliau kini adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sejak 2009. Beliau juga Pengerusi dan Ahli Lembaga di beberapa agensi kerajaan.

Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani was appointed to the Board as a Government representative on 2 August 2009. He holds a Masters of Human Resources Management from University of Scranton, Pennsylvania, USA, and a Bachelor of Economics (majoring in Statistics) from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. He also attended a Senior Executive Fellowship programme at Harvard University, USA.

He has wide experience in the public and private sectors, the latter include Petronas. He was a Director of Kuching Utara City Hall, Human Resources Management Unit and Human Resources Development Unit and Quality in the Sarawak Chief Minister's Department. He has also served as Permanent Secretary in the Ministry of Social Development and Urbanisation, Director of State Planning Unit in the Sarawak Chief Minister's Department, Deputy State Secretary of Planning and Development and Deputy State Secretary of Administration, Security and Corporate Affairs. Since 2009, he was the State Secretary of Sarawak. He also sits on the Board of several government agencies.

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD

Tan Sri Sukarti bin Wakiman ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah yang telah dilantik sebagai wakil Kerajaan dalam Lembaga bermula 1 Jun 2001. Beliau berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi daripada Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Tan Sri Sukarti bin Wakiman is the State Secretary of Sabah, and was appointed to the Board as a Government representative beginning 1 June 2001. He holds a Bachelor (Hons) in Anthropology and Sociology from University of Malaya (UM), Kuala Lumpur.



TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Wakil Kerajaan)/
State Secretary of Sabah (Government Representative)

PSM, SPDK, PGDK, JSM

{SUKARTI-WAKIMAN@epf.gov.my}

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI AZMAN SHAH BIN HARON

Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)/
(Wakil Majikan)/President, Malaysian Employers Federation
(MEF)/ (Employers Representative)

PJK, AMS, SSA, DPTJ

(AZMAN-SHAH@epf.gov.my)

Tan Sri Azman Shah bin Haron merupakan Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Beliau telah dilantik menjadi Ahli Lembaga mewakili Majikan pada 1 Jun 2007.

Beliau berkelulusan Diploma in General Hotel Management daripada Holiday Inn University, Amerika Syarikat.

Beliau juga menjadi Ahli Lembaga dalam pelbagai syarikat di dalam dan luar negara antaranya AlangkaSuka Hotel & Resorts Berhad yang beroperasi di 33 hotel dan resort Holiday Villa di Asia, Timur Tengah, Afrika dan Eropah.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi *Consultative Panel for Hospitality Industry* di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); Ahli Lembaga dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA); Ahli Silih Ganti Asia Pacific Economic Corporation (APEC)/ Business Advisory Council (ABAC) Malaysia; Bendahari Rumah Bakti Dato' Harun Idris, Ulu Kelang, Selangor; Ahli PEMUDAH Malaysia (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan) dan juga Pengerusi Bersama Working Group Efficiency Issues (WGEI) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau juga merupakan Presiden Dilantik bagi *International Organisation of Employers (IOE)* dan Pengerusi *Confederation of Asia Pacific Employers (CAPE)*. Selain itu beliau merupakan salah seorang daripada Pemegang Amanah bagi Tabung Amanah Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang dilantik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Tan Sri Azman Shah bin Haron is President of the Malaysian Employers Federation (MEF), and was appointed as a Board Member representing employers on 1 June 2007. He holds a Diploma in General Hotel Management from Holiday Inn University, USA.

He is on the Board of various local and international companies including AlangkaSuka Hotels & Resorts Berhad., which operates 33 Holiday Villa hotels and resorts in Asia, Middle East, Africa and Europe.

Apart from this, he is also Chairman of the Consultative Panel for the Hospitality Industry at the Malaysia Productivity Corporation (MPC), a Board Member of the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), an Alternate Member of the Asia Pacific Economic Corporation (APEC)/ Business Advisory Council (ABAC) Malaysia, Treasurer for Rumah Bakti Dato' Harun Idris in Ulu Klang, Selangor, a member of PEMUDAH Malaysia (a special taskforce to facilitate business), Co-Chairman of the Working Group Efficiency Issues (WGEI), and Chairman of the Industrial Advisory Committee, Department of Polytechnic, Higher Education Department.

In addition, he serves as President of the International Organisation of Employers (IOE), Chairman of the Confederation of Asia Pacific Employers (CAPE), and sits as one of the Trustees of the International Islamic Thought and Civilisation (ISTAC) Trust Fund, appointed by International Islamic University Malaysia.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Datuk Mohd Hasnol bin Ayub telah dilantik sebagai wakil Majikan dalam Lembaga pada 1 Jun 2009. Beliau berkelulusan Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan daripada University of Wales Cardiff, United Kingdom.

Selain bertugas sebagai Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), beliau juga adalah Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS).

Datuk Mohd Hasnol bin Ayub was appointed as a Board Member representing employers on 1 June 2009. He holds a Master of Business Administration from University of Wales Cardiff, UK.

Apart from his responsibility as Executive Director/Chief Executive Officer of the Institute for Development Studies Sabah (IDS), he is also President of the Sabah Bumiputera Chamber of Commerce (SBCC).



DATUK MOHD HASNOL BIN AYUB

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS)
(Wakil Majikan)/

*President of Sabah Bumiputera Chamber of Commerce (SBCC)
(Employers Representative)*

(MOHD-HASNOL@epf.gov.my)

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI DATUK YONG POH KON

Bekas Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
(Wakil Majikan)/

*Immediate Past President of the Federation of Malaysian
Manufacturers (Employers Representative)*

(YONG-POH-KON@epf.gov.my)

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, merupakan Pengarah Urusan Royal Selangor International Sdn Bhd, telah dilantik ke dalam Lembaga sebagai wakil Majikan pada 1 Jun 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Kejuruteraan Mekanikal Kelas Pertama daripada University of Adelaide, Australia, pada 1968.

Beliau pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Bank Negara Malaysia, ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan Pesuruhjaya Pengasas Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Lebih daripada tiga dekad, Tan Sri Yong berkhidmat di Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan kini sebagai Bekas Presiden. Beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Naib Pengerusi PEMUDAH, pasukan petugas khas pemudahcara perniagaan, bersama Ketua Setiausaha Negara, Malaysia dari 2007 hingga 2013. Pada Februari 2009, beliau telah dilantik sebagai ahli Penasihat Lembaga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, Managing Director of Royal Selangor International Sdn Bhd was re-appointed to the Board as an Employers representative on 1 June 2013. He graduated from University of Adelaide, Australia, with First Class Honours in Mechanical Engineering in 1968.

He has served as a Board member of Bank Negara Malaysia and a member of the National Economic Consultative Council as well as and a founding Commissioner of the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

For over three decades, Tan Sri Yong has been associated closely with the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), and is currently its Immediate Past President. He was appointed by the Prime Minister as Co-Chair of PEMUDAH, the task force to facilitate business, together with the Chief Secretary of Malaysia from 2007 until 2013. In February 2009, he was appointed as a member of the Advisory Board of the Malaysian Anti-Corruption Commission.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Datuk Abang Haji Abdul Karim Bin Tun Abang Haji Openg telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP pada 13 Julai 2013 mewakili Majikan.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya, dan Sarjana Pengurusan daripada Asian Institute of Management, Filipina.

Datuk Abang Haji Abdul Karim telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Ta Ann Holdings Bhd sejak 2 October 1999. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Sarawak (ASSAR) dan Pengerusi Brooke Dockyard dan Engineering Works Corporation.

Beliau telah menyandang pelbagai jawatan awam termasuk Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak (SCCI), Pengarah Pengasas BIMP-EAGA Business Council (BEBC) dan Pengerusi Pertama BIMP-EAGA Malaysian Business Council (BEMBC) Sarawak. Beliau juga merupakan ahli Majlis Islam Sarawak, Lembaga Baitulmal dan Wakaf Sarawak dan ahli jawatankuasa umum mewakili Sarawak di Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI).

Datuk Abang Haji Abdul Karim Bin Tun Abang Haji Openg was appointed as EPF Board member on 13 July 2013, representing Employers.

He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) from University Malaya, and a Masters in Management from the Asian Institute of Management, the Philippines.

Datuk Abang Haji Abdul Karim has served as Senior Independent Non-Executive Director of Ta Ann Holdings Bhd since 2 October 1999. He sits on the Board of Amanah Saham Sarawak (ASSAR) and is the Chairman of Brooke Dockyard and Engineering Works Corporation.

He has held various public positions, which include President of Sarawak Chamber of Commerce and Industry (SCCI), founding Director of BIMP-EAGA Business Council (BEBC) and first Chairman of BIMP-EAGA Malaysian Business Council (BEMBC) Sarawak Chapter. He is also a member of the Sarawak Islamic Council and Lembaga Baitulmal and Wakaf Sarawak, and an official member of the Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) general committee representing Sarawak.



DATUK ABANG HAJI ABDUL KARIM BIN TUN ABANG HAJI OPENG

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak
(Wakil Majikan)/

*President of the Sarawak Chamber of Commerce and Industry
(SCCI) (Employers Representative)*

ABDUL-KARIM@epf.gov.my

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



Encik Mohd Khalid bin Atan mula menjadi Ahli Lembaga KWSP pada 1 Jun 2011 sebagai wakil Pekerja. Beliau merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk tempoh 2014 hingga 2016. Sebelum dilantik sebagai Presiden, beliau memegang jawatan Timbalan Presiden di MTUC. Selain itu, beliau juga memegang jawatan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkayuan Semenanjung Malaysia.

Encik Mohd Khalid bin Atan was appointed as a Board Member representing employees on 1 June 2011. He was elected President of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) for the period 2014 to 2016. Prior to holding this position, he was the Deputy President of MTUC. He is also the current Secretary General of the Timber Employees Union.

ENCIK MOHD KHALID BIN ATAN

Presiden, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
(Wakil Pekerja)/

*President, Malaysian Trades Union Congress (MTUC)
(Employees Representative)*

(MOHD-KHALID@epf.gov.my)

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Puan Lok Yim Pheng dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Jun 2011 sebagai wakil Pekerja. Beliau juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) penggal 2013-2016. Beliau berkelulusan ijazah Pengurusan dan pernah berkhidmat sebagai Guru Penolong Kanan dan Guru Besar sebelum dipinjamkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa kini. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan dipilih sebagai Ahli Lembaga dalam Education International peringkat dunia.

Madam Lok Yim Pheng was appointed as a Board Member on 1 June 2011. She is also the incumbent Secretary General of the National Union of the Teaching Profession (NUTP) and Secretary General of the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) 2013-2016 term. Holding a Degree in Management, she served as a Senior Assistant Teacher and Headmistress before her current role as a Seconded Officer in the Public Service Department. She was appointed as a Member of the National Council For Occupational Safety and Health and elected as the Board Member of Education International at the world level.



PUAN LOK YIM PHENG

Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) (Wakil Pekerja)/
Secretary General, Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) (Employees Representative)

KMN, AMP, PJK

{lokyimpheng@epf.gov.my}

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



PUAN HADIAH BINTI LEEN

Presiden, Kesatuan Pekerja Bank Sarawak (Wakil Pekerja)/
President, Sarawak Bank Employees' Union (Employees Representative)

(HADIAH-LEEN@depf.gov.my)

Puan HADIAH binti Leen telah dilantik sebagai Ahli Lembaga mewakili Pekerja pada 1 Februari 2012. Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur. Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work daripada the ILO Centre Turin, Italy, dan Sijil Pengurusan Kakitangan daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia.

Beliau adalah kakitangan Hong Leong Bank Berhad, Cawangan Satok, Kuching. Beliau aktif dalam aktiviti kesatuan sekerja. Sejak 2001, beliau merupakan Presiden Kesatuan Pekerja Bank Sarawak, Ketua Wanita, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Bahagian Sarawak. Beliau menjadi ahli Eksekutif Lembaga UNI-Apro Region pada 2005 serta ahli mewakili panel pekerja dalam Mahkamah Perusahaan pada 2010.

Ms. HADIAH binti Leen was appointed as a Board Member representing employees on 1 February 2012. She holds a Diploma in Business Administration from the Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur, a Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work from the ILO Centre in Turin, Italy, and a Certificate in Personnel Management from the Malaysian Institute of Human Resources Management.

She's an employee of Hong Leong Bank Berhad in its Satok Branch, Kuching. She has a strong record of trade union activity. Since 2001, she has been President of the Sarawak Bank Employees' Union as well as head of Women of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC), Sarawak Division. She became a member of the Executive Council of the UNI-Apro Region in 2005, and a member of the panel representing workers in the Industrial Court in 2010.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Puan Catherine Jikunan telah dilantik ke dalam Lembaga KWSP pada 1 Jun 2013 sebagai wakil Pekerja. Beliau berkelulusan Diploma dalam Perbankan pada 1998 dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dengan Kepujian pada 2002, kedua-duanya daripada Universiti Teknologi Mara. Beliau turut memiliki Masters in Labour Policies and Globalisation daripada University of Kassel and Berlin School of Economy, Jerman, pada 2008. Beliau pernah berkhidmat di Bank Bumiputera (M) Sdn Bhd dalam Perkhidmatan Pelanggan dari 1985-1999, dan merupakan pegawai di CIMB Bank Bhd semenjak 1999.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga mewakili pekerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak 2009 dan ahli Lembaga Jemaah Rayuan dari 2005. Beliau turut mewakili pekerja Sabah dalam Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sejak 2010 dan Panel Mahkamah Perusahaan Sabah dari 2005 hingga kini. Beliau merupakan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Sabah; Timbalan Bendahari, Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan dan Naib Presiden Union Network International Asia Pacific.

Ms. Catherine Jikunan was appointed to the EPF Board on 1 June 2013 as an Employees Representative. She graduated with a Diploma in Banking in 1998 and a Bachelor of Corporate Administration with Honours in 2002, both from Universiti Teknologi Mara. She also obtained a Masters in Labour Policies and Globalisation from University of Kassel and Berlin School of Economy, Germany, in 2008. She worked at Bank Bumiputera (M) Sdn Bhd in Customer Service from 1985-1999, and has been an officer at CIMB Bank Bhd since 1999.

She has been a Board member representing employees at the Social Security Organisation (SOCSO) since 2009 and a member of the Appellate Board from 2005. She has also been representing employees in Sabah on the National Wages Consultative Council since 2010 and on the Sabah Industrial Court Panel since 2005. She is Secretary of the Malaysian Trades Union Congress, Sabah; Deputy Treasurer of Federation of Bank Employees Malaysia and Vice-President of Union Network International Asia Pacific.



PUAN CATHERINE JIKUNAN

Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
(MTUC Sabah) (Wakil Pekerja)/

*Secretary of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC Sabah)
(Employees Representative)*

CATHERINE-JIKUNAN@epf.gov.my

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



TAN SRI DATUK SERI LEE LAM THYE

Pengerusi Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Negara (Wakil Profesional)/

*Chairman, National Institute of Occupational Safety and Health
(NIOSH) (Professionals Representative)*

PSM, SMW, DPMS, DPMP, JMN, JP

(leelamthye@epf.gov.my)

Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye telah dilantik sebagai Ahli Lembaga wakil Profesional bermula pada 1 Jun 2009. Beliau adalah seorang aktivis masyarakat yang disegani. Kini beliau adalah Pengerusi Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Malaysia dan Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. Beliau juga Pengerusi Yayasan S.P. Setia.

Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye was appointed as a Board Member representing professionals on 1 June 2009. A renowned social activist, he presently serves as Chairman of the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Malaysia and Vice-Chairman of the Malaysia Crime Prevention Foundation. He is also Chairman of S.P. Setia Foundation.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim telah dilantik ke dalam Lembaga KWSP untuk kali kedua pada 1 Jun 2013 mewakili Profesional. Beliau sebelum ini merupakan ahli Lembaga mewakili profesional dari 1 Julai 2001 sehingga 31 Mei 2007. Beliau memiliki, Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam daripada Loughborough University of Technology, United Kingdom, dan merupakan ahli Majlis Kerusi Perlindungan Kewangan Warga Tua, KWSP, di Universiti Malaya.

Beliau merupakan ahli Institut Jurutera Malaysia dan Jurutera Profesional dalam Lembaga Jurutera Malaysia sehingga 2006.

Tuan Haji Md Jafar kini merupakan Pengarah di Kumpulan RHB Bank. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah di Kumpulan Sime Darby termasuk Pengerusi dan Pengarah di beberapa syarikat tersenarai awam dan swasta.

Tuan Haji Md Jafar merupakan bekas Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan salah seorang Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Beliau juga adalah ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan ahli Jawatankuasa Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), National Health Financing Mechanism Technical, National Budget Focus Group on Developing a First-Class Mindset dan Lembaga Pembangunan Kurikulum untuk Politeknik dan Kolej Komuniti.

Beliau memulakan kerjaya sebagai jurutera perkhidmatan awam dan kemudian sebagai Penolong Pengarah (Bangunan) Jabatan Kerja Raya di Perak sebelum menyertai Sime Darby pada 1984. Beliau menyandang pelbagai jawatan di Sime Darby dan merupakan Pengarah Bahagian Produk dan Perkhidmatan Bersekutu sebelum meneruskan kerjaya beliau terkini sebagai Perunding Pengurusan. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Kaypi Technologies Sdn Bhd selama dua tahun dari 2006 hingga 2008.

Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim was appointed to the EPF Board for the second time on 1 June 2013 to represent Professionals. He was earlier a Board member in the same capacity from 1 July 2001 until 31 May 2007. He holds a Bachelor (Hons) in Civil Engineering from Loughborough University of Technology, United Kingdom, and is a member of the Old Age Financial Protection Chair, EPF, at University Malaya.

He is a member of the Institution of Engineers, Malaysia, and was a Professional Engineer on the Board of Engineers, Malaysia, until 2006.

Tuan Haji Md Jafar is currently Director at RHB Bank Group. He formerly held directorships in companies within the Sime Darby Group and was a Director and Chairman of a number of non-listed public and private companies.

Tuan Haji Md Jafar is the immediate past President of Malaysian Employers Federation (MEF), and was a Board Director of Malaysian Productivity Corporation (MPC). He also sat as a Council Member



TUAN HAJI MD JAFAR ABDUL CARRIM

Wakil Profesional/*Professionals Representative*

MD-JAFAR@epf.gov.my

of the National Labour Advisory Council, and was a member of the Industrial Master Plan 3 (IMP3) Committee, National Health Financing Mechanism Technical Committee, National Budget Focus Group on Developing a First-Class Mindset and the Curriculum Development Board for Polytechnics and Community Colleges.

He started his career as an engineer in the civil service where he was promoted to Assistant Director (Buildings) of the Public Works Department in Perak before joining Sime Darby in 1984. He served in various capacities in Sime Darby and was Divisional Director of the Allied Products and Services Division before embarking on his current career as a management consultant. From 2006 to 2008, he was also the Managing Director of Kaypi Technologies Sdn Bhd.

AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE

Wakil Profesional/*Professionals Representative*

THOMAS-GEORGE@epf.gov.my

Datuk Thomas George A/L M.S. George telah dilantik ke dalam Lembaga KWSP pada 1 Jun 2013, mewakili Profesional. Beliau berkelulusan dalam Sarjana Pentadbiran Awam daripada George Washington University, Amerika Syarikat.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah dan kemudiannya sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Penyelaras Projek Kanan, Pengurusan Pembangunan dan Program Kualiti, Institut Tadbiran Awam Negara.

Datuk Thomas George juga pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dari 27 Mei 2006 sehingga 21 April 2009 dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya dari 22 April 2009 sehingga beliau bersara.

Datuk Thomas George A/L M.S. George was appointed to the EPF Board on 1 June 2013, representing Professionals. He holds a Masters in Public Administration from George Washington University, USA.

He has served as a Deputy Director before being appointed as Director of Planning and Research in the Public Services Department, and Senior Project Coordinator of Management Development and Quality Programme at the National Institute of Public Administration.

Datuk Thomas George was Secretary General of the Ministry of Human Resources from 27 May 2006 until 21 April 2009 and Secretary General of the Ministry of Works from 22 April 2009 until he retired.

AHLI LEMBAGA MEMBERS OF THE BOARD

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, 43, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 16 April 2013. Beliau sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP sejak 1 Disember 2009.

Beliau berkelulusan Sarjana Sastera (Kelas Pertama) daripada Cambridge University dan Sarjana Muda Undang-Undang Sivill (Kelas Pertama) daripada Oxford University dan telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales.

Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Pengarah Urusan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membangunkan KL Sentral sebagai salah sebuah pusat perdagangan utama di Malaysia. Kejayaannya di MRCB telah melayakkan beliau dianugerahkan Property CEO of The Year oleh Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) cawangan Malaysia pada tahun 2009. Beliau pernah berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan terlibat dalam pemulihan korporat dan penstrukturan semula kredit berikutan krisis kewangan Asia pada 1997.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Media Prima Bhd, Malaysia Building Society Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Malaysian Resources Corporation Berhad.

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, 43, was appointed as Chief Executive Officer effective 16th April 2013. He was previously Deputy Chief Executive Officer (Investment) of EPF, since 1st December 2009.

He holds a Master of Arts (First Class) from Cambridge University and Bachelor of Civil Law (First Class) from Oxford University and has been called to the Malaysian Bar and the Bar of England and Wales.

Prior to joining the EPF, he was the Managing Director of Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), where he was responsible for developing KL Sentral into one of the main commercial centres in Malaysia. His success at MRCB saw him being named Property CEO of The Year by the FIABCI Malaysia branch in 2009. He previously served Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, and was involved in corporate recovery and credit restructuring following the Asian financial crisis of 1997.

He is presently a Non-Executive Board Member of Media Prima Bhd, Malaysia Building Society Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad and Malaysian Resources Corporation Berhad.



DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*

DSIS, PJN

(ssr@epf.gov.my)

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

BOARD AND INVESTMENT PANEL COMMITTEES

JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN/ FINANCE & DEVELOPMENT COMMITTEE

1. Y.Bhg. Tan Sri Samsudin Osman (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.Bhg. Dato' Mat Noor Nawi (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Puan Siti Zauyah Mohd Desa
3. Y.Bhg. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Puan Hadiyah Leen
5. Tuan Hj. Md. Jafar Abdul Carrim
6. Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan (Ex-Officio)

JAWATANKUASA STRATEGIK KWSP/ EPF STRATEGIC COMMITTEE

1. Y.Bhg. Tan Sri Lee Lam Thye (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Dato' Mohd Shariff Hussin
3. Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
5. Encik Mohd Khalid Atan
6. Puan Lok Yim Pheng
7. Tuan Hj. Md. Jafar Abdul Carrim

JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN & PERKHIDMATAN/ PERSONNEL, APPOINTMENT & SERVICES COMMITTEE

1. Y.Bhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.B Tan Sri Sukarti Wakiman (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Datuk Hj. Nordin Siman
3. Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Puan Catherine Jikunan
5. Y.Bhg. Datuk Thomas George
6. Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan (Ex-Officio)

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA/ BOARD AUDIT COMMITTEE

1. Tuan Hj. Md. Jafar Abdul Carrim (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.Bhg. Dato' Mat Noor Nawi (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Puan Siti Zauyah Mohd Desa
3. Y.Bhg. Datuk Abang Haji Abdul Karim bin Tun Abang Haji Openg
4. Puan Lok Yim Pheng
5. Y.Bhg. Datuk Thomas George

JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA/ BOARD DISCIPLINARY COMMITTEE

1. Y.Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.B Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi Abdul Ghani (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Datu Hj. Misnu Hj. Taha
3. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
4. Puan Hadiyah Leen
5. Y.Bhg. Datuk Thomas George

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA/ BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Haron (Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.B Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi Abdul Ghani (Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Datu Hj. Misnu Hj. Taha
3. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
4. Puan Catherine Jikunan
5. Y.Bhg. Datuk Thomas George
6. Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan (Ex-Officio)

**JAWATANKUASA KENAIKAN
PANGKAT/
PROMOTION COMMITTEE**

1. Y.Bhg. Tan Sri Samsudin Osman
(Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.B Tan Sri Sukarti Wakiman
(Timbalan Pengerusi/*Deputy
Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Datuk Hj.
Nordin Siman
3. Y.Bhg. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Encik Mohd Khalid Atan
5. Y.Bhg. Datuk Thomas George

**JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB
LEMBAGA/
BOARD DISCIPLINARY APPEAL
COMMITTEE**

1. Y.Bhg. Tan Sri Samsudin Osman
(Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.B Tan Sri Sukarti Wakiman
(Timbalan Pengerusi/*Deputy
Chairman*)
Silih Ganti/*Alternate* : Y.Bhg. Dato'
Nordin Siman
3. Y.Bhg. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Y.Bhg. Datuk Abang Haji Karim Bin
Tun Abang Haji Openg
5. Encik Mohd Khalid Atan
6. Puan Lok Yim Pheng
7. Y.Bhg. Tan Sri Lee Lam Thye

**PANEL PELABURAN/
INVESTMENT PANEL**

1. Y.Bhg. Tan Sri Samsudin Osman
(Pengerusi/*Chairman*)
2. Puan Siti Zauyah Mohd Desa
(Timbalan Pengerusi/*Deputy
Chairman*)
3. Y.Bhg. Datuk Nor Shamsiah Mohd
Yunus
4. Y.Bhg. Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul
Razak
5. Y.Bhg. Dato' Mohammed Azlan
Hashim
6. Encik David Lau Nai Pek
7. Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

**JAWATANKUASA RISIKO PANEL
PELABURAN/
INVESTMENT PANEL RISK COMMITTEE**

1. Y.Bhg. Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul
Razak
(Pengerusi/*Chairman*)
2. Y.Bhg. Dato' Mohammed Azlan
Hashim
3. Encik David Lau Nai Pek
4. Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

AHLI SILIH GANTI LEMBAGA WAKIL KERAJAAN

ALTERNATE MEMBERS OF THE BOARD GOVERNMENT REPRESENTATIVES

PUAN SITI ZAUYAH MOHD DESA

(1.12.2012 – 31.5.2013) (1.6.2013 – 31.5.2015)

Setiausaha Bhg. Pengurusan Pinjaman Pasaran Kewangan Aktuari/
Secretary, Loan Management, Financial Market and Actuary Division
SITI-ZAUYAH@epf.gov.my

Y. BHG DATO' MOHTAR MOHD ABD RAHMAN

(1.6.2013 – 31.5.2015)

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam/
Director Service Division, Public Service Department
mohtar@jpa.gov.my

Y. BHG DATO' HAJI MOHD SHARIFF HUSSIN

(1.6.2011 – 31.5.2013) (1.6.2013-31.5.2015)

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia/
